



## KERAJAAN MALAYSIA

### TAMAN BOTANI NEGARA SHAH ALAM BAHAGIAN INDUSTRI ASAS TANI KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI MALAYSIA

#### KENYATAAN TENDER

Tender ini adalah dipelawa kepada Syarikat-syarikat yang beralamat di negeri Selangor serta telah *eP-enabled* yang berpengalaman, berkeupayaan dan berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia serta memegang Sijil Akaun Pendaftaran Syarikat dengan Kementerian Kewangan Malaysia dan Sijil Akaun Pendaftaran Syarikat Bumiputera serta Sijil Pendaftaran dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (jika berkaitan) **yang masih berkuatkuasa** sekurang-kurangnya **tiga (3) bulan dari tarikh tutup tawaran** ini mengikut kod bidang seperti berikut:

No Tender	Tajuk	Kod Bidang Pendaftaran	Tarikh Iklan	Tarikh, Masa dan Tempat Taklimat	Tarikh Tutup Tender
Tender No: <b>MOA/TB NSA/01/2 017</b>	Perkhidmatan Mencuci Bangunan, Tandas, Kolam Renang, Membersih Kawasan, Memotong Rumput, Mencuci Longkang/Parit/Takungan ( <i>sump</i> ), Menyelenggara Lanskap dan Memungut Sampah di Taman Botani Negara Shah Alam (TBNSA) bagi Tempoh Dua Puluh Empat (24) Bulan	221001, 221002, 221003,	22 Mei 2017 (Isnin)	25 Mei 2017 (Khamis) Jam : 9.30 pagi  Pusat Pelawat Taman Botani Negara Shah Alam, 40000 Shah Alam, Selangor  <b>(HANYA PENAMA DI DALAM SIJIL PERAKUAN PENDAFTARAN SYARIKAT SAHAJA DIWAJIBKAN HADIR DAN KEHADIRAN ADALAH WAJIB)</b>	15 Jun 2017 (Khamis)  Jam 12:00 tengahari

Sila ambil maklum bahawa perkhimatan ini akan dilaksanakan melalui sistem ePerolehan. Pihak tuan juga diingatkan tentang fi perkhidmatan bagi transaksi secara elektronik melalui sistem ePerolehan adalah sebanyak 0.4% bagi setiap pesanan tempatan tertakluk kepada had maksimum RM 4,800.00 bagi pesanan tempatan yang melebihi RM 1.2 Juta. Semua PETENDER sewajarnya sedia maklum mengenai fi yang dikenakan ini kerana syarat pengenaan fi perkhidmatan tersebut telah termaktub dalam Terma dan Syarat bagi Pendaftaran PETENDER di bawah Sistem ePerolehan.

Tawaran Kewangan dan Tawaran Teknikal yang lengkap hendaklah dikunci masuk (*Key in*) ke dalam **sistem ePerolehan pada atau sebelum jam 12.00 tengahari, 15 Jun 2017 (Khamis)**

Dokumen tender perlu dicetak dan dikemukakan secara **MANUAL DAN BERTAIP** dilengkapkan dan ditandatangani oleh syarikat dan saksi. Dokumen tender tersebut hendaklah dimasukkan ke dalam satu sampul surat berlakri dan ditanda Tender No:**MOA/TBNSA/1/2014** dan dimasukkan ke dalam peti tender di Pejabat Pentadbiran Utama TBNSA **pada atau sebelum 15 Jun 2017 (Khamis) tidak lewat jam 12.00 tengahari** seperti alamat berikut:

**Pengarah  
Taman Botani Negara Shah Alam  
Bahagian Industri Asas Tani  
Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani  
Bukit Cahaya Seri Alam  
40000 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan**

TBNSA tidak terikat menerima tawaran yang terendah atau tertinggi atau mana-mana tawaran atau memberikan apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu tawaran Tender.

Kerajaan Malaysia tidak akan terikat untuk menerima sebarang tawaran Tender serta tiada sebarang alasan akan diberikan ke atas mana-mana Tender yang ditolak atau tidak berjaya. Sebarang rayuan/cadangan/bantahan tidak akan dilayan. Keputusan Tender adalah muktamad.

Syarikat yang hendak mendaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia boleh berbuat demikian secara atas talian di <http://www.eperolehan.com.my/> atau boleh menghubungi Khidmat Bantuan Pelanggan e-Perolehan di talian **03-7985 7888**. PETENDER juga dikehendaki untuk mendapatkan latihan secukupnya mengenai pengendalian sistem e-Perolehan daripada Commerce Dot Com Sdn. Bhd.

Tawaran yang lewat dikemukakan **TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN.**